

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JANUARY 2017

Belia penuhi UM sertai Dialog Perdana TN50

BH - 20/1/2017

➔ PM mahu dapat maklum balas secara langsung mengenai hala tuju negara

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Hazwan Faisal Mohamad dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya (UM) di sini, dibanjiri ratusan belia yang mengikuti Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 (TN50), malam tadi.

Dialog dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu adalah bagi mendapatkan maklum balas secara langsung daripada belia berhubung hala tuju TN50.

Sebaik tiba di Dewan Tunku Canselor UM, belia yang mula berkumpul kira-kira seawal jam 5.30 petang itu disajikan dengan ruang lobi utama interaktif bermotif futuristik.

mahu TN50 dicorakkan

Beberapa ruang di lobi itu dikhaskan untuk kumpulan yang menghadiri dialog berkenaan menyuarakan hasrat bagaimana mereka mahu TN50 dicorakkan.

Ruang itu menyediakan lima bekas yang tertera lima tema berbeza, iaitu masyarakat, persekitaran, ekonomi, teknologi dan pentadbiran.

Belia yang hadir diberikan satu bola dan memasukkannya

ke dalam mana-mana bekas yang mereka mahu, sebagai simbolik fokus TN50 yang mahu disuarakan kepada kerajaan.

Bagi ruangan untuk menyatakan cabaran belia, mereka perlu menulis cabaran yang dihadapi dan menampalnya di bahagian yang disediakan untuk dibaca dan dianalisis sendiri Perdana Menteri apabila beliau tiba.

Dialog Perdana TN50 bermula kira-kira jam 9 malam dengan Najib berdialog dengan belia yang hadir bagi memberi kefahaman berhubung hasrat kerajaan melaksanakan inisiatif TN50, selain mendapatkan maklum balas belia terhadap inisiatif itu.